ACY-2539

R

# KEBEBASAN AKHBAR DI INDONESIA: PERBANDINGAN ANTARA LIPUTAN BERITA AKHBAR SEBELUM DAN SELEPAS MEI 1998

Oleh
MARWAN NUSUF
AGB 99004

Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi syarat ijazah
Sarjana Sastera

Perpustakaan Universiti Malaya
A511118828

BAHAGIAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2003

# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan lagi Maha Penyayang. Puji dan syukur ke hadratNya kerana dengan limpah kurnia dan kudratNya jua, akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi ini.

Tanpa bantuan dari pelbagai pihak, baik secara langsung ataupun tidak, disertasi ini tidak mungkin boleh diselesaikan. Oleh itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terhutang budi kepada penyelia saya Puan Noor Bathi Hj. Badarudin yang telah memberi tunjuk ajar dan membimbing saya bermula peringkat awal penulisan hingga akhirnya dengan banyak memberikan nasihat, panduan, bimbingan dan kritikan yang membina. Kesudian beliau melapangkan masanya dan tidak jemu-jemu memberi teguran adalah satu pembelajaran yang amat bernilai bagi diri saya yang sukar dilupakan. Tidak ketinggalan kepada semua kakitangan bahagian Pengajian Media dan kakitangan bahagian Ijazah Tinggi Fakulti Sastera dan Sains Sosial yang memberikan galakan dan sokongan sehingga kajian ini berjaya disempurnakan.

Penghargaan yang paling istimewa saya ucapkan kepada kedua orang tua saya, ahli keluarga, semua saudara-saudara yang sentiasa memberikan bantuan, dorongan dan nasihat, baik secara langsung ataupun tidak, dalam usaha meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak lupa ungkapan penghargaan dikhaskan kepada sahabat-sahabat dan kawan-kawan semua yang telah memberikan dorongan dan masukan untuk menyiapkan disertasi ini.

Akhirnya, semoga penulisan ini dapat memberikan sedikit sumbangan dan faedah ke arah usaha mempertingkatkan kualiti liputan berita akhbar di Indonesia.

Wassalam

Marwan Nusuf

## SENARAI KEPENDEKAN DAN ISTILAH

| | |
|---|---|
| ABRI | Angkatan Bersenjata Republik Indonesia |
| AJI | Aliansi Jurnalis Indonesia |
| ASEAN | Association of South East Asian Nations |
| B. J. | Baharuddin Jusuf |
| DPR | Dewan Perwakilan Rakyat |
| Dr. | Doktor |
| Drs. | Doktor Rendes |
| GAM | Gerakan Aceh Merdeka |
| GPK | Gerombolan Pengacau Keamanan |
| Hal. | Halaman |
| *Ibid* | *Ibedem*, rujukan yang tidak diselangi oleh buku lain |
| MPR | Majelis Permesyuaratan Rakyat |
| No. | Nombor |
| *Opcit* | *Opera Citato*, rujukan yang diselangi oleh buku lain |
| Pers | Akhbar dan Majalah |
| Prof. | Profesor |
| PT | Perseroan Terbatas, iaitu semacam Sdn Bhd di Malaysia |
| PWI | Persatuan Wartawan Indonesia |
| SIUPP | Surat Izin Usaha Penerbitan Pers |
| TNI | Tentera Nasional Indonesia |
| UUD | Undang-Undang Dasar |
| USSR | Union of Soviet Socialist Republics |

## ISI KANDUNGAN

**Penghargaan** ii

**Senarai Kependekan dan Istilah** iv

**Isi Kandungan** v

**Abstrak** vii

**Abstract** viii

**BAB I: PENDAHULUAN** 1
1.1 Pengenalan 1
1.2 Permasalahan Kajian 3
1.3 Objektif Kajian 12
1.4 Metod Kajian 13
1.5 Skop Kajian 13
1.6 Kepentingan Kajian 14
1.7 Ulasan Pembacaan 14

**BAB II: KONSEP DAN AMALAN KEBEBASAN AKHBAR ZAMAN ORDE BARU DAN ERA REFORMASI** 18
2.1 Pendekatan Teori 18
2.2 Orde Baru 32
2.3 Era Reformasi 66
2.4 Kesimpulan 86

**BAB III: KEBEBASAN AKHBAR DI BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN** 88
3.1 Indonesia 88
3.2 Thailand 92
3.3 Singapura 98
3.4 Malaysia 100
3.5 India 104
3.6 Kesimpulan 110

**BAB IV: PENEMUAN KAJIAN LAPANGAN** **111**
4.1 Hasil Temubual 112
4.2 Analisis Kandungan 133
4.3 Kesimpulan 150

**BAB V: KESIMPULAN DAN SARANAN** **151**

**BIBLIOGRAFI** **162**

**APENDIKS**

# ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui keadaan kebebasan akhbar di Indonesia pada masa pemerintahan Suharto atau zaman Orde Baru (1966-1998) dan masa pemerintahan B. J. Habibie atau Era Reformasi (Mei 1998-Oktober 1999). Bab Pertama menjelaskan kaedah, objektif dan kepentingan kajian. Sementara Bab Kedua membincangkan teori-teori tentang kebebasan akhbar dan yang bersesuaian dengan zaman Orde Baru dan Era Reformasi. Selanjutnya, Bab Ketiga membuat ulasan bacaan tentang kebebasan akhbar di beberapa negara membangun, seperti Malaysia, Thailand, Singapura dan India. Sementara Bab Keempat memfokuskan kepada kajian lapangan dengan menemuramah beberapa tokoh dari berbagai kalangan dan membuat analisis kandungan akhbar-akhbar tertentu. Kajian ini diakhiri dengan Bab Kelima, iaitu kesimpulan dan saranan-saranan. Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa liputan berita akhbar pada zaman Orde Baru sangat ketat dikawal oleh pemerintah, sementara pada Era Reformasi akhbar sudah begitu bebas dan tidak dikawal lagi oleh pemerintah.

# ABSTRACT

This research endeavors to investigate press freedom in Indonesia under Suharto, that is the New Order (1966-1998) and under B. J. Habibie or the Reformation Era (May 1998-October 1999). Chapter One highlights the method, objective and purpose of the research. Chapter Two discusses the theories of press freedom during the New Order and the Reformation Era. Chapter Three emphasizes the literature review about press freedom in selected developing countries, such as in Malaysia, Thailand, Singapore and India. Chapter Four provides the findings from field research, namely interviews with several important personalities from various backgrounds. A content analysis of selected newspapers and magazines is also included. The Final Chapter is the conclusion. Findings from this research revealed that press during the New Order were tightly controlled by Government whereas during the Reformation Era, the press had more freedom and was subjected to less control from the Government.